

Khamis, Feb 15 2018

Razip tabik semangat juang MOF FC

84 15/2

PENGENDALI

MOF FC, Razip Ismail bangga dengan persembahan barisan pemainnya ketika menundukkan CNA FC 6-0 dalam aksi pusingan pertama Piala FA di Stadium Inspen, Bangi, kelmarin.

Katanya, rata-rata pemain MOF FC berjaya menyerap tetakan dengan baik dan mampu mengawal permainan sepanjang 90 minit perlawanan itu.

"Untuk bermula dengan langkah kanan dan menang dengan enam gol dalam aksi kompetitif pertama bagi musim ini sudah tentunya cukup menggembirakan saya.

"Saya akui kita bermula



makna dan ia memberikan keyakinan untuk aksi pertama Liga FAM nanti. Saya berharap momentum dapat diteruskan," ujar Razip.

Dalam aksi tersebut, MOF FC mendahului 3-0 di separuh masa pertama dan menambah tiga lagi di separuh masa kedua.

Penyerang kelahiran Melaka, Fakhrullah Rosli muncul wira dengan menjaringkan lima gol masing-masing pada minit ke-21, 41, 45, 79 dan 89 manakala satu lagi jaringan disumbangkan oleh Farid Azmi.

Menariknya, Fakhrullah adalah pemain pertama untuk menjaringkan lima gol

agak lembap, bermain dalam keadaan gementar dan banyak melakukan kesilapan. Tapi setelah menjaringkan gol pertama, kita mula mendapat rentak, pemain menyerap tekanan dengan baik, lebih selesa mengawal permainan, *build up game* nampak lebih tersusun.

“Sudah tentu ini satu kemenangan yang cukup ber-

dalam satu perlawananan Piala FA dalam tempoh 23 tahun selepas kali terakhir Matlañ Marjan melakukannya ketika membantu Sabah menewaskan Perlis 6-4 pada 1995.

Kemenangan tersebut menyaksikan MOF FC menempah pertemuan menentang juara lima kali, Selangor di pusingan kedua pada 3 Mac depan.